

## GARISPANDU PERMOHONAN BARU LESEN EJEN PELANCONGAN

### **A. Pendaftaran Lesen Ejen Pelancongan menurut Akta Pelancongan, Penggal 239.**

Setiap syarikat yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelancongan adalah dimestikan untuk mendaftar Lesen Ejen Pelancongan. Aktiviti-aktiviti pelancongan yang dimaksudkan adalah seperti yang dinyatakan dalam Bab 10 (1) (a), (b), (c), (d) dan (e) Akta Pelancongan, Penggal 239.

Pengendali perkhidmatan *Inbound* adalah mereka yang mengendalikan perkhidmatan pakej pengembaraan di dalam negeri, pengangkutan dan membuat tempahan penginapan untuk pelancong dan mana-mana aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan.

Pengendali perkhidmatan *Outbound* adalah mereka yang mengendalikan perkhidmatan untuk mengurus dan menjual tiket pengangkutan atau penerbangan dan pakej pengembaraan serta membuat tempahan penginapan bagi orang tempatan dan pelancong yang keluar dari Negara Brunei Darussalam.

### **B. Prosedur Permohonan**

Pemohon hendaklah mengisikan dan menghadapkan Borang Permohonan Lesen Ejen Pelancongan yang lengkap serta menyertakan semua dokumen-dokumen yang diperlukan kepada, **Unit Perlesenan dan Pendaftaran, di Tingkat 3, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

**Hari dan waktu untuk menghadapkan permohonan dan pembayaran:-**

KAUNTER	HARI & WAKTU PERKHIDMATAN	NO. TALIAN DIHUBUNGI
<b>Kaunter Perkhidmatan Unit Perlesenan dan Pendaftaran</b>	Isnin hingga Khamis dan Sabtu  <b>8:15 pagi – 11.30 pagi 02.00 petang – 3.30 petang</b>	2382803 2382805
<b>Kaunter Pembayaran Unit Kewangan, Jabatan Kemajuan Pelancongan</b>	Isnin hingga Khamis <b>8:15 pagi – 1.00 petang</b>	2381100 / 2380173 Ext. 2303

### C. Syarat-Syarat Permohonan

1. Pemohon hendaklah menubuhkan satu **Syarikat Persendirian Sendirian Berhad / Sdn Bhd (*Private Limited Company*)** dengan Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (R-OCBN).
  2. Pemohon **hendaklah menghadapkan *Memorandum of Association (MOA)*** Syarikat kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan terlebih dahulu sebelum membuat pendaftaran Syarikat di Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN). MOA mestilah mengandungi persetujuan-persetujuan seperti berikut:-
    - i. Nama Syarikat (Ejen Pelancongan) yang didaftarkan **hendaklah mempunyai perkataan *Travel*** dan / atau *Tour, Adventure, Holiday* atau nama yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pelancongan.
    - ii. Syarikat yang memohon mestilah mempunyai **paid-up capital** sekurang-kurangnya Dua **Puluh Lima Ribu Ringgit (\$25,000.00)**; serta menghadapkan **Salinan Penyata Bank** yang terkini di bawah nama syarikat yang didaftarkan.
    - iii. Jika syarikat mempunyai **pemegang saham orang asing**, ekuiti (pemegang saham asing) hendaklah **tidak melebihi dari 70%** dari jumlah saham.
    - iv. Syarikat yang memohon **hanya dibenarkan** untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Ejen Pelancongan sahaja dan tidak dicampur dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain. Business Sector yang dibenarkan hanyalah **79 – *Travel Agency, tour operator and other reservation services.***
- Nota:** Jabatan Kemajuan Pelancongan hanya akan mengeluarkan surat sokongan kepada pemohon yang mematuhi persyaratan-persyaratan di atas. Surat sokongan tersebut adalah diperlukan untuk pemohon sertakan semasa membuat pendaftaran dengan Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN).
3. Pemohon hendaklah menghadapkan satu **Pelan Perniagaan (*Business Plan*)** seperti keterangan di **Bahagian E**. Sekurang-kurangnya salah seorang dari pemegang saham ataupun focal person yang dilantik mesti mempunyai pengalaman atau latar belakang yang berkaitan dengan pelancongan tidak kurang dari 5 tahun. Focal Person adalah mereka yang dilantik bagi menjalankan peranan penting dalam pengurusan syarikat. Contoh Focal Person adalah seperti Pengarah Urusan, Pengurus dan sebagainya.
  4. Pemohon hendaklah menghadapkan salinan **Jaminan Bank (*Banker's Guarantee*)** yang berjumlah **BND5,000.00**.
  5. Pemohon hendaklah menjalankan perniagaan **di kawasan komersil** yang bersesuaian dan seterusnya menghadapkan tenancy agreement (salinan perjanjian Jual & Beli (S&P) jika bangunan dimiliki oleh syarikat sendiri). Pejabat perniagaan mestilah bersesuaian dan mempunyai tanda nama syarikat perniagaan di dalam tulisan jawi.

6. Pemohon hendaklah menjelaskan semua **tunggakan kompaun (jika ada) dan bebas daripada siasatan dan / atau pendakwaan** bagi sebarang kesalahan di bawah Akta Pelancongan, Bab 239 dan kesalahan-kesalahan lain di bawah peraturan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam.

#### D. Syarat -Syarat Khas

a) Jabatan Kemajuan Pelancongan berhak menarik balik lesen ejen pelancongan jika sekiranya melakukan perkara-perkara seperti berikut:-

- i. Tidak aktif lebih daripada enam (6) bulan,
- ii. Tidak mematuhi undang-undang di bawah Akta Pelancongan, Bab 239 (*Tourism Act, Chapter 239*) dan mana-mana peraturan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam.

b) Setiap Ejen-Ejen Pelancongan hendaklah mencapai **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan untuk diperbaharui Lesen Ejen Pelancongan. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah seperti perkara-perkara berikut;

#### Bagi Ejen-Ejen Pelancongan Inbound

- i. Pemegang lesen hendaklah **menghadapkan statistik** bagi jualan pakej dan bilangan pelancong yang dikendalikan setiap suku bulan termasuk lain-lain maklumat yang diperlukan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan. Pemegang lesen harus mengendalikan **jumlah pelancong inbound** yang memuaskan mengikut sukat-sukat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dikategorikan seperti berikut:

Ejen Pelancongan	KPI
Mempunyai 1-5 pekerja	Mesti mengendalikan sekurang-kurangnya <b>100 orang pelancong inbound</b> dalam setahun
Mempunyai 6-19 pekerja	Mesti mengendalikan sekurang-kurangnya <b>300 orang pelancong inbound</b> dalam setahun
Mempunyai 20 pekerja ke atas	Mesti mengendalikan sekurang-kurangnya <b>1000 orang pelancong inbound</b> dalam setahun

**Nota: KPI adalah tidak tetap dan ianya adalah bergantung kepada sasaran tahunan kedatangan pelancong yang dibuat oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.**

- ii. Pemegang lesen mestilah sekurang-kurangnya memperkenalkan **3 pakej pelancongan Inbound** pada **tahun kedua operasi**. Prestasi pakej-pakej tersebut akan dinilai dari statistik yang dihadapkan oleh pemegang lesen. Pemegang lesen harus sentiasa berusaha meningkatkan jumlah pakej-pakej inbound yang ditawarkan dari masa kesemasa bagi tujuan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong.
- iii. Pemegang lesen mesti sekurang-kurangnya **mendapatkan 3 kerjasama** pada **tahun kedua operasi** sama ada dengan *stakeholders* pelancongan [(ejen pelancongan, pengendali perkhidmatan pelancongan (*Tourism Service Provider*)), penginapan pelancong, Majlis Perundingan Kampong (MPK) dan sebagainya di dalam negeri. Pemegang lesen harus sentiasa berusaha meningkatkan usaha-usaha kerjasama dengan *stakeholder* industri pelancongan dari masa kesemasa bagi tujuan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong.
- iv. Menjalankan operasi syarikat dengan baik termasuk **kualiti perkhidmatan** yang memuaskan. Jabatan Kemajuan Pelancongan akan sentiasa memantau perkembangan setiap ejen-ejen pelancongan termasuk aduan-aduan dari medial sosial, aduan orang ramai dan juga melalui borang kaji selidik.

#### **Bagi Ejen-Ejen Pelancongan Outbound**

- i. Pemegang lesen mesti sekurang-kurang **mendapatkan 3 kerjasama** pada **tahun kedua operasi** sama ada dengan *stakeholders* pelancongan [(ejen pelancongan, pengendali perkhidmatan pelancongan (*Tourism Service Provider*)), penginapan pelancong dan sebagainya di luar negeri.
- ii. Menjalankan operasi syarikat dengan baik termasuk **kualiti perkhidmatan** yang memuaskan. Jabatan Kemajuan Pelancongan akan sentiasa memantau perkembangan setiap Ejen-Ejen Pelancongan termasuk aduan-aduan dari medial sosial, aduan orang ramai dan juga melalui borang kaji selidik.

***Nota: Ejen pelancongan disarankan menghadapkan sesalinan dokumen-dokumen kerjasama-kerjasama dengan Stakeholders pelancongan.***

## E. Dokumen-Dokumen yang perlu dihadapkan

1. Satu (1) salinan **Certificate of Incorporation of Private Company, Company Extract** dan **Shares Certificate** dari ROCBN;
2. Satu (1) salinan **Kad Pengenalan** atau **Pasport** (bagi Warganegara asing) untuk para pemegang saham;
3. Satu (1) salinan cadangan **Pelan Perniagaan (Business Plan)** dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti berikut;
  - 3.1. **Business Executive Summary,**
  - 3.2. Cadangan carta **Organisasi Syarikat** (menggunakan format seperti **ANNEX 1**),
  - 3.3. **Carta Organisasi** pemegang-pemegang saham termasuk jumlah saham (menggunakan format seperti **ANNEX 2**),
  - 3.4. **Resume (Curriculum Vitae)** bagi setiap **Ahli Pemegang Saham** (menggunakan rujukan **ANNEX 3**),
  - 3.5. **Resume (Curriculum Vitae) Key Person** yang dilantik syarikat (menggunakan rujukan **ANNEX 3**),
  - 3.6. Senarai cadangan **data-data pekerja tempatan** dan **pekerja asing** (menggunakan borang **ANNEX 4**),
  - 3.7. Senarai **kenderaan-kenderaan syarikat** termasuk **kenderaan air** (jika ada),
  - 3.8. Cadangan **produk / pakej** dan **perkhidmatan** yang ditawarkan termasuk Inbound dan/atau Outbound,
  - 3.9. Cadangan **strategi pemasaran** dan **pasaran sasaran (target market)**,
  - 3.10. Cadangan **networking** di dalam dan di luar negara (ejen-ejen pelancongan, pengendali pelancongan, penginapan pelancongan dan sebagainya). Menyertakan semua sesalinan perjanjian kerjasama dan yang berkaitan (jika ada), dan
  - 3.11. Simulasi **Aliran Tunai (Cash Flow Simulation)** untuk lima (5) tahun pertama beroperasi.
4. Satu (1) salinan **Jaminan Bank (Banker's Guarantee)** yang berjumlah **BND5,000.00**.
5. Satu (1) salinan **Perjanjian Sewa (Tenancy Agreement)** atau salinan perjanjian Jual & Beli (S&P) jika bangunan dimiliki oleh syarikat sendiri.

**Jabatan Kemajuan Pelancongan berhak untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi setiap permohonan Syarikat. Mana-mana Syarikat yang tidak memberikan kerjasama dalam perkara ini boleh menyebabkan permohonan tidak dapat dipertimbangkan. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan.**